

ATRIBUSI (Part 4)

Shafezan Hamidi Abd Hamid, Nik Rozita Bt Ab Lattip & Ong Ay Shin

PROSES ATRIBUSI

1 Heider Naïve

a) Prinsip Kovarians

Satu konsep apabila manusia melihat perkaitan antara kesan (tingkah laku, emosi dan sikap) dengan sebab khusus dalam pelbagai situasi yang berbeza.

b) Prinsip Pengabaian

Atribusi tentang sesuatu sebab yang membawa kepada sesuatu kesan diabaikan jika sebab lain yang munasabah muncul bersama. Contoh : seorang penjual pinggan dating untuk mlariskan barang jualannya dengan bersikap bersopan santun bagi menarik minat pelanggan. Jika pelanggan membuat atribusi dengan baik, mungkin kepercayaan awalnya mula pudar disebabkan menyedari tujuan sebenar penjual itu.

2 Harold Kelly

Faktor dalaman dan faktor luaran. Dua perkara perlu diambil kira. Ketekalan ialah sentiasa bertingkah laku yang sama dalam situasi yang sama (faktor dalaman dan luaran). Manakala sifat tersendiri pula ialah bertingkah laku sama dalam situasi yang berbeza. Jika ya (faktor luaran) dan jika tidak (faktor dalaman).

ATIRBUSI TERHADAP ORANG LAIN

Terdapat 2 kesalahan dalam atribusi terhadap orang lain. Kesalahan membuat atribusi dan kesalahan asasi atribusi. Individu yang membuat atribusi cenderung untuk terlebih membuat atribusi kepada tingkah laku orang lain kepada sebab aturan, namun gagal untuk mengecam yang mana sebab situasi. Menokok tambah kepentingan kriteria personaliti dalam memproses tingkah laku yang lain. Pengaruh persekitaran hampir diabaikan.

Kesan Halo

Tanggapan pertama dibuat setelah memahami individu tersebut mempunyai trait positif. Berasaskan teori personaliti mutlak dimana memberi kesan kepada anggapan dalam kombinasi trait yang ada pada individu khusus.

- Berdasarkan pengalaman dan logik
- Anggapan – bias persamaan
- Percaya rakan dan kenalan serasi dengan kita walaupun perasaan ini hanya wujud di sebalik individu yang kita kenal sahaja.
- Masih boleh membuat anggapan berdasarkan andaian awal yang memberi persamaan anggapan.
- Kemungkinan menghasilkan bias.
- Faktor kesilapan
- Cara Tumpuan
- Lebih difokuskan kepada tingkah laku berbanding situasi sebenar yang mendorong individu itu bertingkah laku.
- Kebedaan Lupaan
- Menggunakan memori yang ada dan sering melupakan faktor situasi berbanding dengan tingkah laku tersebut.
- Faktor keseniaan dan Pembentukan
- Tidak mengambil kira faktor budaya dan perkembangan sewaktu melakukan atribusi.

